

PUSAT ISLAM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia ingin mempelawa warga negara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan seperti berikut:

PENOLONG AKAUNTAN W29

Kumpulan	Pelaksana
Taraf Jawatan	Kontrak / Tetap
Kekosongan	Satu (1)
Jadual Gaji	Gaji Minimum RM1,493.00 - RM5,672.00
Kemudahan Elaun	Imbuan Tetap Perumahan, Imbuan Tetap Khidmat Awam dan Bantuan Sara Hidup.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja berkaitan perolehan, pembayaran, pengurusan hasil, penjanaaan dan penyediaan laporan kewangan.

Syarat Lantikan

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
4. Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan, perakaunan, pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,851.28)

Keutamaan adalah diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan kewangan sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman.

Cara memohon

1. Calon boleh membuat permohonan dengan menghantar salinan lembut (*softcopy*) dokumen ke alamat e-mel pusatislam@ukm.edu.my
2. Berikut adalah dokumen yang perlu dilampirkan untuk permohonan jawatan:

- i. Resume lengkap;
 - ii. Salinan Sijil SPM;
 - iii. Sijil kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
3. Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses;
4. Calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri ujian dan temu duga;
5. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Buka Permohonan: 16 Mei 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup Permohonan: 29 Mei 2023 (Isnin)